



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 15 MAC 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 15 Mac 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **1,973 kes** (308,247 kes kumulatif, 94.9%);
- Kes baharu : **1,208 kes** (324,971 kes kumulatif);
- Kes import : **9 kes** (2 warganegara; 7 bukan warganegara)
- Kes tempatan : **1,199 kes** [920 warganegara (76.7%); 279 bukan warganegara (23.3%)];
- Kes aktif : **15,511 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **155 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **70 kes**; dan
- Kes kematian : **3 kes** (1,213 kes kumulatif, 0.37%; 2 warganegara; 1 bukan warganegara).

Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **379 kes (31.4 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **333 kes (87.9 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Sarawak sebanyak **251 kes (20.8 peratus)** dan Pulau Pinang sebanyak **142 kes (11.8 peratus)**.

Sebanyak **enam (6) kes (0.5 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di penjara yang membabitkan Kluster Tembok Tapah (5 kes) dan Kluster Telok Mas (1 kes).

Kes-kes kematian pada hari ini melibatkan masing-masing satu (1) kes di Selangor, Johor dan Sarawak. Kes kematian ini melibatkan dua (2) warganegara dan satu (1) bukan warganegara. KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**, manakala ringkasan kes kematian mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 3** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

## **MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER**

Berikut adalah maklumat terkini berkaitan kluster-kluster di Malaysia sehingga 15 Mac 2021:

- Jumlah kluster : **1,250 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **13 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **819 kluster** (termasuk **6 kluster** yang tamat pada hari ini iaitu **Kluster Jalan Tropicana, Kluster Pengkalan Teras, Kluster Jalan Perindustrian Getah, Kluster Lengkok Pantai, Kluster Tabong, dan Kluster Jalan Niaga**;
- Jumlah kluster aktif : **431 kluster**;
- Jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu pada hari ini : **56 kluster**; dan
- Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Tanjung Suria (29 kes), Kluster Ladang Bukit (29 kes), dan Kluster Jalan Mega Lima (22 kes)**.

## **KLUSTER BAHARU**

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **13 kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini yang melibatkan 12 kluster tempat kerja dan satu (1) kluster keagamaan.

Perincian kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

<b>No.</b>	<b>Nama Kluster</b>	<b>Negeri</b>	<b>Kategori Kluster</b>
1.	Sungai Puloh	Selangor	Tempat Kerja
2.	Batu Tiga Lama	Selangor	Tempat Kerja
3.	Perusahaan Amari	Selangor	Tempat Kerja
4.	Jalan Mega Lima	Johor	Tempat Kerja
5.	Jalan Delima	Johor	Tempat Kerja
6.	Batu 19	Johor	Tempat Kerja
7.	Jalan Tanjung	Sarawak	Tempat Kerja
8.	Industri Gunung Mas	Negeri Sembilan	Tempat Kerja
9.	Jalan Lapan Belas	Kuala Lumpur	Tempat Kerja
10.	Tapak Bina Meha	Kedah	Tempat Kerja
11.	Kampung Air Batang	Pahang	Tempat Kerja
12.	Chendering Height	Terengganu	Tempat Kerja
13.	Jalan Sekerat	Kedah	Keagamaan

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

15 Mac 2021 @ 6.00 petang.

**LAMPIRAN 1****BILANGAN KES COVID-19  
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 15 MAC 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SELANGOR</b>	379 (3)	109,375
<b>SABAH</b>	29	53,932
<b>JOHOR</b>	118 (2)	39,204
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	61 (4)	36,480
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	80	16,782
<b>PULAU PINANG</b>	142	13,574
<b>SARAWAK</b>	251	12,702
<b>PERAK</b>	37	12,379
<b>KEDAH</b>	27	7,893
<b>MELAKA</b>	2	6,175
<b>KELANTAN</b>	25	5,370
<b>PAHANG</b>	17	3,962
<b>TERENGGANU</b>	39	3,448
<b>WP LABUAN</b>	0	2,270
<b>WP PUTRAJAYA</b>	1	1,105
<b>PERLIS</b>	0	320
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1,208 (9)</b>	<b>324,971</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import

## LAMPIRAN 2

**Perincian 1,208 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 15 Mac 2021 adalah seperti berikut:**

- **Selangor: 379 kes**

- 65 kes daripada kluster-kluster, termasuk tujuh (7) kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Perusahaan Amari, Kluster Sungai Puloh, dan Kluster Batu Tiga Lama**;
- 268 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Tiga (3) kes import dari luar negara; dan
- 43 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak: 251 kes**

- 60 kes daripada kluster-kluster, termasuk 18 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Tanjung**;
- 142 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 49 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 142 kes**

- Lapan (8) kes daripada kluster-kluster sedia ada;

- 45 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 89 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Johor: 118 kes**
  - 41 kes daripada kluster-kluster, termasuk 33 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Mega Lima, Kluster Jalan Delima, dan Kluster Batu 19**;
  - 29 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
  - Dua (2) kes import dari luar negara; dan
  - 46 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Negeri Sembilan: 80 kes**
  - 25 kes daripada kluster-kluster, termasuk 21 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Industri Gunung Mas**;
  - 12 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 43 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 61 kes**
  - Enam (6) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Lapan Belas**;
  - 37 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;



- Empat (4) kes import dari luar negara; dan
- 14 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Terengganu: 39 kes**
  - 34 kes daripada kluster-kluster, termasuk satu (1) daripada kluster baharu iaitu **Kluster Chendering Height**;
  - Empat (4) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Perak: 37 kes**
  - 27 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - Tujuh (7) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Sabah: 29 kes**
  - Sembilan (9) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 14 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Enam (6) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kedah: 27 kes**
  - 12 kes daripada kluster-kluster, termasuk enam (6) kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Tapak Bina Meha dan Kluster Jalan Sekerat**;
  - Empat (4) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 11 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kelantan: 25 kes**
  - Tiga (3) kes daripada kluster sedia ada;
  - 17 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pahang: 17 kes**
  - 14 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Kampung Air Batang**; dan
  - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Melaka: Dua (2) kes**
  - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada; dan
  - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Satu (1) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.

### LAMPIRAN 3

Ringkasan tiga (3) kes kematian pada 15 Mac 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	No. Kes	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
1211	289115	Johor	Lelaki (WN)	55	Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
1212	295661	Sarawak	Perempuan (WN)	64	Hospital Sibu	Penyakit darah tinggi, gout, dan buah pinggang kronik
1213	312347	Selangor	Lelaki (BWN)	70	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit asma

\*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

**Perincian 13 kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:**

**1. KLUSTER PERUSAHAAN AMARI**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Gombak di Selangor. Kes-kes bagi kluster ini dilaporkan positif COVID-19 pada 12 Mac 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Perusahaan Amari, Kawasan Industri Batu Caves, Gombak. Sehingga 15 Mac 2021, sejumlah 24 individu telah disaring, di mana **lapan (8) kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

**2. KLUSTER SUNGAI PULOH**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Klang di Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-316555) dilaporkan positif COVID-19 pada 10 Mac 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Sungai Puloh, Klang. Sehingga 15 Mac 2021, sejumlah 103 individu telah disaring, di mana **18 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### **3. KLUSTER JALAN MEGA LIMA**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes-kes bagi kluster ini dilaporkan positif COVID-19 pada 15 Mac 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang tinggal di Jalan Mega 1/5, Taman Perindustrian Nusa Cemerlang, Gelang Patah, Johor Bahru. Sehingga 15 Mac 2021, sejumlah 89 individu telah disaring, di mana **22 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### **4. KLUSTER BATU TIGA LAMA**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Petaling dan Kuala Selangor di Selangor. Kes-kes bagi kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 26 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang tinggal di Batu Tiga, Kampung Baru Subang, Shah Alam. Sehingga 15 Mac 2021, sejumlah 221 individu telah disaring, di mana **20 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### **5. KLUSTER JALAN DELIMA**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-321611) dilaporkan positif COVID-19 pada 13 Mac 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah kilang

yang tinggal di Jalan Delima 12, Taman Cahaya Masai, Johor Bahru. Sehingga 15 Mac 2021, sejumlah 80 individu telah disaring, di mana **21 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **6. KLUSTER BATU 19**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kulai dan Johor Bahru di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-318626) dilaporkan positif COVID-19 pada 11 Mac 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah pusat pentadbiran awam yang terletak di Batu 19, Jalan Air Hitam, Kulai. Sehingga 15 Mac 2021, sejumlah 57 individu telah disaring, di mana **sembilan (9) kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **7. KLUSTER JALAN TANJUNG**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Bintulu di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-322256) dilaporkan positif COVID-19 pada 13 Mac 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah pasar raya yang terletak di Jalan Tanjung, Bintulu. Sehingga 15 Mac 2021, sejumlah 127 individu telah disaring, di mana **19 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **8. KLUSTER INDUSTRI GUNUNG MAS**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Tampin dan Kuala Pilah di Negeri Sembilan. Dua (2) kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-320447 dan kes ke-321826) dilaporkan positif COVID-19 pada 12 Mac 2021 dan 13 Mac 2021 hasil saringan individu-individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Industri Kecil Gunung Mas, Taman Gunung Mas, Tampin. Sehingga 15 Mac 2021, sejumlah 188 individu telah disaring, di mana **32 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **9. KLUSTER JALAN LAPAN BELAS**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Cheras di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes bagi kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 11 Mac 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan 12/118B, Desa Tun Razak, Cheras. Sehingga 15 Mac 2021, sejumlah 15 individu telah disaring, di mana **tujuh (7) kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **10. KLUSTER CHENDERING HEIGHT**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Marang dan Kuala Nerus di Terengganu. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-

323758) dilaporkan positif COVID-19 pada 14 Mac 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti penularan kes-kes dalam kluster ini iaitu di Taman Chendering Height, Kuala Terengganu. Sehingga 15 Mac 2021, sejumlah 132 individu telah disaring, di mana **10 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

#### **11. KLUSTER JALAN SEKERAT**

Kluster keagamaan ini melibatkan daerah Kuala Muda dan Kulim di Kedah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-313381) dilaporkan positif COVID-19 pada 7 Mac 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan individu-individu yang menghadiri sebuah mesyuarat yang berlangsung di Jalan Sekerat, Sungai Petani serta kontak rapat mereka. Sehingga 15 Mac 2021, sejumlah 52 individu telah disaring, di mana **17 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

#### **12. KLUSTER TAPAK BINA MEHA**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kulim di Kedah. Kes-kes bagi kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 14 Mac 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah tapak binaan yang terletak di Padang Meha, Padang Serai, Kulim. Sehingga 15 Mac 2021, sejumlah 78 individu telah disaring, di mana **10 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.



### **13. KLUSTER KAMPUNG AIR BATANG**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Rompin di Pahang. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-320891) dilaporkan positif COVID-19 pada 12 Mac 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah pusat penginapan yang terletak di Kampung Air Batang, Pulau Tioman, Rompin. Sehingga 15 Mac 2021, sejumlah 27 individu telah disaring, di mana **15 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.